

17/05/2001

Ahmad Razali meninggal dunia

KUALA LUMPUR, Rabu - Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali, meninggal dunia kerana sakit jantung di Institut Jantung Negara (IJN), di sini pagi ini.

Ahmad Razali, 72, yang dimasukkan ke IJN pada jam 8 malam tadi selepas dikatakan mengadu sakit dada, menghembuskan nafas terakhir kira-kira jam 10 pagi ini.

Adik Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali itu, meninggalkan dua balu, Puan Sri Zabidah Abdul Kadir dan Puan Sri Wan Mah Rejab serta lapan anak, lima lelaki dan tiga perempuan.

Jenazah Allahyarham disemahyangkan di Masjid Darul Ehsan Taman Tun Abdul Razak, Ampang, sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang selepas solat Asar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Siti Hasmah adalah antara kenamaan yang menziarah jenazah di kediaman Allahyarham di Taman Tun Abdul Razak. Perdana Menteri dan anak mereka, yang tiba jam 12.10 tengah hari, membaca Yasin dan berada di situ kira-kira sejam.

Mereka kemudian mengiringi jenazah ke tanah perkuburan bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Turut hadir adik Allahyarham, Tan Sri Hashim yang juga bekas Panglima Angkatan Tentera, Datuk Jaafar dan kakaknya, Datuk Paduka Siti Saleha.

Pengerusi Lembaga Disiplin Umno, Tengku Ahmad Rithauddeen, ketika ditemui di rumah Allahyarham berkata, pemergian Ahmad Razali adalah satu kehilangan besar bagi badan itu.

"Allahyarham adalah ahli lembaga yang banyak memberi khidmat kepada negara dan parti. Beliau tidak pernah tidak hadir dalam mesyuarat. Susah nak cari orang macam ni dalam Umno," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohamad Ali Rustam, yang turut menziarahi jenazah menyifatkan kematian Allahyarham sebagai satu kehilangan besar kerana beliau adalah tokoh yang mesra dan mudah dibawa berbincang.

Katanya, beliau agak terkejut apabila menerima berita itu kerana Allahyarham kelihatan sihat ketika menghadiri mesyuarat lembaga disiplin baru-baru ini.

Allahyarham sebelum menjadi Menteri Besar Selangor dari 1982 hingga 1986 memegang jawatan Timbalan Menteri Besar dari 1976.

Sebelum memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Baru, Selangor pada 1969, Allahyarham pernah menjadi Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris (1964-1969); Penghulu Setapak, Kuala Lumpur (1962); Penghulu Ulu Klang dan Ampang, Selangor (1952-1962); dan Penolong Penghulu Kuala Lumpur (1951).

(END)